

KEBERKESANAN KELAS TAKMIR DALAM PENGAJIAN HADIS DI MASJID DAERAH MELAKA TENGAH: PENDEKATAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Azmi Budin

Kolej Universiti Islam Melaka
azmibudin@kuim.edu.my

ABSTRAK

Peranan Kelas Takmir dalam Pengajian Hadis di Masjid adalah suatu usaha berterusan ke arah mengembangkan Islam kepada masyarakat Islam dalam menghayati sunnah Rasulullah S.A.W dalam kehidupan mereka serta mengamalkan untuk mencapai kebahagian di dunia dan akhirat. Kajian ini dilaksanakan berasaskan soal selidik kepada responden yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran pengajian hadis. Lima buah masjid yang dipilih di daerah Melaka Tengah iaitu Masjid Ar-Rabbani Tangga Batu Pekan, Masjid Wahdi As- Siddiq Paya Rumput Jaya, Sungai Udang, Masjid As-Shuhada Kem Terendak, Masjid Al-Ghufran Bertam Ulu dan Masjid Al- Rahmah Bukit Kechil. Keputusan kajian menunjukkan Pengajian Hadis memainkan peranan penting dalam menambahkan kefahaman yang lebih luas kepada masyarakat, mendedahkan kepentingan Kelas Takmir dan sekaligus memertabatkan peranan insitusi masjid dalam penyebaran ilmu Islam. Kajian ini juga menunjukkan Pengajian Hadis amat bersesuaian dengan semua golongan dalam menambahkan ilmu tentang amalan sunnah Rasulullah S.A.W dan menyedari kepentingan mempelajari hadis. Kajian ini juga menunjukkan Pengajian Hadis ini boleh ditingkat keberkesananya melalui kepelbagaiannya metodologi pengajaran dan pembelajaran oleh guru Takmir

Kata kunci: *Takmir, Masjid, Dakwah, Hadith, Methodologi*

THE EFFECTIVENESS OF TAKMIR CLASS IN HADITH STUDIES IN MELAKA TENGAH MOSQUE: AN APPROACHES AND IMPROVEMENT

The role of ‘takmir’ class in *Hadith education* at mosque in Melaka is a continuous effort towards to spread Islam to Muslim community in appreciate prophet’s sunnah in their life and to practice it for achieving the good life in here and hereafter. A research was conducted at five mosques in district of Malacca center as namely mosque Ar Rabbani Tangga Batu Pekan, mosque Wahdi as- Siddiq Paya Rumput Jaya, Sungai Udang, mosque As-Shuhada Terendak Camp, mosque Al-Rahmah Bukit Kechil, Bukit Rambai and mosque Al-Ghufran Bertam Ulu. The method of collecting data for the research was through questionnaire and observation. The result shows that the subject of *Hadith* played the important role in enhance society’s understanding; expose the important of ‘takmir’ class and at once establishing the role of mosque in spreading Islamic knowledge. The research also shows to us that hadith education was applicable with all groups of Muslim community in improving their knowledge towards Sunnah of prophet and awareness about the important of to learn this subject of hadith. The research also shows to us that hadith education can be improve about its effectiveness through the diversity of teaching and learning methodology by ‘takmir’ teacher.

Keywords: Takmir, Mosque, Da’wah, Hadith, Methodology

PENDAHULUAN

Fungsi masjid bukan hanya terhad sebagai tempat ibadat sahaja malah sebagai insitusi penyebaran ilmu pengetahuan, kesenian, kebudayaan, wadah penyatu fikrah dan kemajuan *ummah* melalui penyebaran dakwah, mengajar, mendidik dan mentarbiyah melalui program takmir, kelas fardu ain, ceramah, forum dan seumpamanya.

Fakhru Adabi (2009) menyatakan peranan insitusi masjid sebagai pusat penyebaran ilmu-ilmu agama dapat dilihat melalui program kelas agama yang diadakan kepada masyarakat setempat. Di Malaysia hari ini, program agama di masjid merupakan salah satu aktiviti utama bagi setiap masjid.

Dalam konteks negeri Melaka bagi memantapkan penyebaran ilmu Islam yang berkesan kepada umat Islam maka Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melaksanakan program takmir di seluruh masjid dengan pengisian ilmu-ilmu agama dengan matlamat supaya masyarakat dapat memahami ilmu yang dipelajari secara mendalam seterusnya mengamalkanya dalam kehidupan sehari-hari mereka berdasarkan al-Quran dan al-Hadis.

Menurut Ab. Halim (2011) menyatakan semasa perkembangan keagungan Islam, bermula dari zaman Nabi Muhamad s.a.w sehingga zaman Khalifah

*Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadis
Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan
Azmi Budin*

Islamiah banyak masjid didirikan bagi tujuan pendidikan kepada masyarakat Islam di samping perananya sebagai pusat ibadah, pentadbiran dan kemasyarakatan.

Memandangkan betapa pentingnya peranan masjid dalam menyampaikan risalah pengetahuan agama Islam dengan lebih berkesan dan berkualiti, sehubungan dengan itu, Jabatan Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka telah mengorak langkah dengan lebih efisen melaksanakan dan menjalankan program-program ilmu yang bermanfaat untuk masyarakat Islam seluruh negeri Melaka iaitu program kelas Takmir.

Justeru itu, keberkesanan dalam menyebarluas ilmu pengetahuan Islam sejak mula diperkenalkan hingga kini memang tidak dinafikan oleh semua pihak bagi meningkatkan syiar Islam terus berkembang subur dengan melalui proses dan pendekatan yang berbeza oleh guru takmir bersesuaian dengan peringkat audien masa, suasana dan tempat.

Sehubungan dengan itu, untuk melihat keberhasilan yang baik lagi berkualiti oleh semua pihak khususnya tenaga pengajar takmir dalam menyampaikan risalah Islam maka keberkesanan terhadap usaha tersebut memerlukan penyelidikan yang teliti agar masyarakat dapat memahami ilmu yang disampaikan dengan efektif lagi menyakinkan dan dapat dihayati dalam kehidupan mereka berlandaskan ajaran Islam yang sebenar.

ISU DAN MASALAH

Menurut analisa JAKIM (2011), 63.8 peratus yang mengikuti program kelas takmir adalah mereka yang berumur 51 tahun ke atas manakala pembabitan golongan remaja sekitar 4.7 peratus. Kajian dibuat berdasarkan sampel bilangan guru takmir seluruh negara berjumlah 3,692 guru takmir yang berdaftar dan bertanggungjawab mengendalikan 29,333 kelas takmir membabitkan 6,119 masjid dan 17,284 surau di seluruh negara. Ini disebabkan antara faktor program baca kitab tidak begitu sesuai dengan golongan remaja dan pendekatan lebih kreatif serta inovatif dengan program yang lebih sesuai diperlukan untuk menarik kumpulan berkenaan. Justeru itu, sebagai langkah pro-aktif guru takmir tidak boleh bergantung pada kitab semata-mata sebaliknya mengambil inisiatif mendapatkan maklumat tambahan dan kaitkan dengan isu-isu semasa yang melanda umat Islam kini lebih-lebih lagi golongan remaja memperolehi ilmu dengan pelbagai sumber termasuk internet.

Bilangan terkini menurut Laporan Dewan Rakyat (2014) yang bersidang diberitahu kerajaan telah melantik sebanyak 3,759 guru Takmir di seluruh negara, namun cabaran tetap sama bagi mendekati golongan remaja berbanding jumlah peningkatan guru Takmir sebelumnya.

Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk mengenalpasti dengan lebih dekat lagi serta meninjau tentang permasalahan ini terutama dari aspek peranan kelas Takmir, kekuatan dan kemampuan penyampaian guru takmir di dalam mengaplikasikan, kaedah pengajaran dan pembelajaran semasa mengajar.

Kajian ini seterusnya akan cuba memberikan cadangan penambahbaikan dan pandangan berdasarkan kajian yang dibuat demi memastikan melalui pengajaran hadis dapat melahirkan masyarakat Islam mempunyai kekuatan iman yang mantap dalam mempertahankan kedudukan hadis sebagai rujukan kedua selepas al-Quran.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada permasalahan kajian ini, fokus dan matlamat utama yang hendak dicapai adalah untuk mengkaji, menilai, mengenalpasti serta melihat keberkesanan pengajian hadis dalam kelas takmir yang dilaksanakan di masjid dan mengkaji pengajian hadis dapat memberi kesan dan natijah yang baik dari sudut pembinaan sahsiah diri serta kefahaman masyarakat dalam menghayati nilai-nilai Islam seterusnya mengamalkan sunah dalam kehidupan mereka.

Objektif kajian adalah untuk:

1. Mengkaji peranan kelas takmir terhadap pengajian hadis.
2. Mengkaji keberkesanan pengajian hadis.
3. Mengkaji kaedah penyampaian yang digunakan dalam pengajian hadis di masjid.

HASIL DAPATAN

ANALISIS DESKRIPTIF (DEMOGRAFI)

Dalam menganalisis latar belakang atau demografi responden berdasarkan aspek umur, jawatan pelajar, dorongan dan tahap pendidikan ibu atau bapa telah dilihat. Seramai 98 responden telah terlibat dalam kajian ini. Mereka dipilih berdasarkan teknik pensampelan rawak mudah. Statistik deskriptif digunakan dalam mempersempit laporan profil atau demografi responden. Hasil analisis demografi responden ini melibatkan kekerapan dan peratusan


Taburan Responden Berdasarkan Jantina

Jadual 1.2 merujuk taburan responden berdasarkan jantina. Dapatan kajian ini mendapati responden lelaki lebih ramai berbanding perempuan. Responden lelaki adalah seramai 80 orang (81.6%) manakala responden perempuan seramai 18 orang (18.4%).

*Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadis
Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan
Azmi Budin*

Jadual 1.2 Taburan responden berdasarkan jantina

Jantina	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Lelaki	80	81.6
Perempuan	18	18.4
Jumlah	98	100.0




Taburan Responden Berdasarkan Umur

Taburan responden berdasarkan umur ditunjukkan dalam Jadual 1.3 Berdasarkan kepada jadual ini didapati seramai 40 (40.8%) responden berumur di antara 47-63 tahun. Manakala. Kategori umur kedua tertinggi adalah di antara 31-46 tahun dengan jumlah seramai 30(30.6%) responden. Seterusnya, diikuti responden yang berumur di antara 15-30 tahun seramai 18 (18.4%) orang dan hanya 10 (10.2%) orang sahaja responden dikenalpasti berumur di antara 63 tahun ke atas.

Jadual 1.3 Taburan responden berdasarkan umur

Umur	Kekerapan (n)	Peratus (%)
15-30 tahun	18	18.4
31-46 tahun	30	30.6
47-63 tahun	40	40.8
63 tahun ke atas	10	10.2
Jumlah	98	100.0




Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan

Kajian ini melibatkan seramai 98 responden daripada populasi responden di Masjid Daerah Melaka Tengah. Jadual 1.4 menunjukkan demografi responden mengikut kekerapan dan peratusan berdasarkan status perkahwinan.

*Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadis
Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan
Azmi Budin*

Jadual 1.4 Taburan responden berdasarkan status perkahwinan

Status	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Bujang	15	15.3
Berkahwin	80	81.6
Duda	1	1.1
Janda	2	2.0
Jumlah	98	100.0




Bilangan responden yang berkahwin telah menunjukkan peratusan tertinggi iaitu seramai 80 orang (81.6%). Seterusnya diikuti dengan peratusan responden berstatus bujang mencatat (15.3%) iaitu seramai 15 orang. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja dari responden berstatus duda dan manakala responden yang berstatus janda seramai 2 orang.

Taburan Responden Berdasarkan Pencapaian Akademik

Jadual 1.4 menunjukkan demografi responden mengikut kekerapan dan peratusan berdasarkan pencapaian akademik.

Jadual 1.5 Taburan responden berdasarkan pencapaian akademik.

Pencapaian Akademik	Kekerapan (n)	Peratus (%)
PMR	13	13.3
SPM	51	52.0
STPM	15	15.3
Sarjana Muda	15	15.3
Sarjana	4	4.1
Jumlah	98	100.0



Berdasarkan taburan responden telah menunjukkan pencapaian akademik yang mempunyai peratusan terendah adalah sarjana iaitu 4 orang (4.1%). Namun begitu, kebanyakan responden adalah lepasan SPM dengan seramai 51 orang (52.0%). Responden yang mempunyai kelayakan akademik STPM dan Sarjana Muda mempunyai peratusan yang sama iaitu seramai 15 orang (15.3%). Selain itu, responden lepasan akademik PMR mencatat (13.3%) seramai 13 orang.

*Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadis
Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan
Azmi Budin*

Taburan Responden Berdasarkan Pendidikan

Jadual 1.6 menunjukkan demografi responden mengikut kekerapan dan peratusan berdasarkan latar belakang pendidikan.

Jadual 1.6 Taburan responden berdasarkan pendidikan

Pendidikan	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Aliran Agama	14	14.3
Aliran Kebangsaan	82	83.7
Aliran Arab	2	2.0
Jumlah	98	100.0




Jadual di atas menunjukkan peratusan tertinggi adalah responden yang berlatar belakang pendidikan aliran kebangsaan iaitu (83.7%) seramai 82 orang. Manakala peratusan kedua tertinggi adalah berdasarkan pendidikan aliran agama iaitu 14.3% dengan seramai 14 orang. Seterusnya, hanya seramai 2 orang responden mempunyai latar belakang pendidikan aliran Arab.

Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan

Jadual 1.7 Taburan responden berdasarkan pekerjaan

Pekerjaan	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Sektor Kerajaan	20	20.4
Sektor Swasta	27	27.6
Pesara	23	23.5
Bekerja Sendiri	19	19.4
Suri Rumah	9	9.1
Jumlah	98	100.0



Berdasarkan Jadual 1.7 di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden bekerja dalam sector swasta dengan seramai 27 orang bersama peratusan (27.6%). Peratusan kedua tertinggi pula iaitu (23.5%) adalah merupakan responden sudah bersara. Seterusnya, diikuti dengan responden yang bekerja di sector kerajaan


*Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadis
Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan
Azmi Budin*

dengan seramai 20 orang (20.4%). Manakala responden yang bekerja sendiri adalah seramai 19 orang (19.4) dan suri rumah pula seramai 9 orang (9.1%).

Taburan Responden Berdasarkan Kitab

Jadual 1.8 Taburan responden berdasarkan kitab

Kitab	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Mestika Hadis	20	20.4
Nasihat Agama	19	19.4
Jauhar Mauhub	20	20.4
Hadis Al-Muntahabah	18	18.4
Bahru Mazi	21	21.4
Jumlah	98	100.0



Berdasarkan Jadual 1.8 sebilangan besar responden iaitu 21.4% daripada mereka menggunakan kitab Bahru Mazi ketika proses pembelajaran takmir di Masjid Melaka Tengah. Kebanyakan pelajar juga menggunakan kitab Jauhar Mauhub dan Mestika Hadis .Ini ditunjukkan dengan hasil dapatan kajian Jauhar Mauhub dan

Mestika Hadis mencatat peratusan yang sama iaitu 20%. penggunaan kitab Seterusnya diikuti dengan kitab Nasihat Agama daripada responden mencatat 19.4%. Manakala 18.4% menggunakan kitab Hadis al-Muntabah.

Analisis kajian

Jadual 1.9 Kekerapan dan peratusan Peranan Kelas Takmir Dalam Pengajaran Hadis

No	Item	STS	TS	TP	S	SS
1	Memberi kefahaman tentang kepentingan pengajian hadis	1 (1.0 %)	-	3 (3.1%)	45 (45.9%)	49 (50.0%)
2	Meningkatkan kesedaran tentang hadis merupakan sumber rujukan kedua selepas Al-Quran	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	2 (2.0%)	30 (30.6%)	64 (65.3%)
3	Membanteras penyelewengan akidah dan ajaran sesat	2 (2.0%)	2 (2.0%)	3 (3.1%)	26 (26.5%)	65 (66.3%)
4	Peranan masjid sebagai pusat pengajian hadis yang berkesan	2 (2.0%)	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	38 (38.8%)	56 (57.1%)
5	Pengukuhan kelas takmir dapat diperkisasakan menerusi tokoh agama yang berwibawa.	1 (1.0 %)	2 (2.0%)	3 (3.1 %)	36 (36.7%)	56 (57.1%)
6	Merubah sikap masyarakat dalam menghayati islam secara komprehensif	-	-	10 (10.2%)	40 (40.8%)	48 (49.0%)
7	Membentuk umat Islam yang berilmu dan bertaqwa menerusi pengajian hadis	1 (1.0 %)	-	6 (6.1%)	34 (34.7%)	57 (58.2%)
8	Membantu masyarakat melaksanakan amal kebaikan dan menghindari dari kemungkar	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	39 (39.8%)	56 (57.1%)
9	Memperkasa ilmu berkaitan hadis dan dapat membezakan jenisnya.	1 (1.0 %)	-	6 (6.1%)	50 (51.0%)	41 (41.8%)
10	Menjana modal insan yang cemerlang	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	7 (7.1%)	46 (46.9%)	43 (43.9%)

*Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadis
Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan
Azmi Budin*

11	Memberi kefahaman kepada masyarakat cabang ilmu hadis	2 (2.0%)	-	5 (5.1%)	43 (43.9%)	48 (49.0%)
12	Dapat mengenal pasti tentang wujud golongan anti hadis yang semakin berluasa	-	-	13 (13.3%)	37 (37.8%)	48 (49.0%)
13	Pengajian hadis perlu ada hubungan komunikasi sehala.	2 (2.0%)	6 (6.1%)	17 (17.3%)	38 (38.8%)	35 (35.7%)
14	Membudayakan program menuntut ilmu sepanjang hayat kepada semua lapisan masyarakat.	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	36 (36.7%)	59 (60.2%)
15	Mengeratkan hubungan dengan masyarakat setempat	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	34 (34.7%)	61 (62.2%)


Analisis Keberkesanan Pengajian Hadis

Jadual 1.10 menunjukkan kekerapan dan peratusan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajian hadis. Domain bagi analisis keberkesanan pengajian hadis ini juga mempunyai 15 item. Hasil kajian mendapat seramai 24 orang tidak bersetuju dengan item “*Hanya sesuai untuk golongan warga emas/ golongan tua/ pesara*”. Sebahagian responden iaitu seramai 58 orang (59.2%) bersetuju “*Pengajian hadis sesuai dan diikuti oleh semua golongan*” . Ini menunjukkan kebanyakan responden berpandangan bahawa pengajian hadis ini sesuai untuk semua golongan. Manakala item yang mendapat peratusan tertinggi (72.4%) adalah “*Meningkatkan ilmu tentang amalan sunnah Rasulullah s.a.w*”.

Jadual 1.10 Kekerapan dan Peratusan Keberkesanan Pengajian Hadis

No	Item	STS	TS	TP	S	SS
1	Guru takmir pengajian hadis berkelayakan dalam bidang tersebut	1 (1.0 %)	2 (2.0%)	6 (6.1%)	36 (36.7%)	53 (54.1%)
2	Waktu pengajian hadis selepas maghrib amat sesuai dijalankan	1 (1.0 %)		7 (7.1 %)	38 (38.8%)	52 (53.1%)
3	Kitab Riyadus Solihin merupakan rujukan utama bagi pengajian hadis		1 (1.0 %)	20 (20.4%)	40 (40.8%)	37 (37.8%)

4	Penggunaan kitab Jawi atau kitab kuning dalam pengajian hadis		5 (5.1%)	22 (22.4%)	45 (45.9%)	26 (26.5%)
5	Pengajian hadis sesuai dan diikuti oleh semua golongan.	2 (2.0%)	4 (4.1%)	4 (4.1%)	30 (30.6%)	58 (59.2%)
6	Hanya sesuai untuk golongan warga emas/ golongan tua/ pesara	24 (24.5%)	32 (32.7%)	15 (15.3%)	14 (14.3%)	13 (13.3%)
7	Sesuai untuk golongan belia dan remaja.	5 (5.1 %)	12 (12.2%)	15 (15.3%)	38 (38.8%)	28 (28.6%)
8	Guru berjaya menyampaikan ilmu dengan jelas		1 (1.0 %)	13 (13.3 %)	49 (50.0 %)	35 (35.7%)
9	Guru Takmir Pengajian Hadis mampu berinteraksi dengan baik.	-	-	7 (7.1%)	50 (51.1%)	41 (41.8%)
10	Guru Takmir diminati dapat memperkasakan pengajian hadis	-	2 (2.0%)	13 (13.3 %)	38 (38.8%)	45 (45.9%)
11	Sukatan Pengajian Hadis berkesan untuk membentuk akhlak muslim.	-	-	9 (9.2%)	41 (41.8%)	48 (49.0%)
12	Pendengar mampu menguasai dan menghayati kuliah Pengajian hadis.	-	1 (1.0 %)	7 (7.1%)	56 (57.1%)	34 (34.7%)
13	Umat Islam menyedari kepentingan mempelajari hadis.	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	5 (5.1 %)	54 (55.1%)	37 (37.8%)
14	Meningkatkan ilmu tentang amalan sunnah Rasulullah s.a.w	1 (1.0 %)	-	3 (3.1 %)	23 (23.5%)	71 (72.4%)
15	Mengetahui dengan mendalam ilmu tentang isu-isu semasa.	-	1 (1.0 %)	11 (11.2 %)	44 (44.9%)	42 (42.9%)



Analisis Kaedah Penyampaian Dalam Pengajian Hadis

Jadual 1.11 menunjukkan kekerapan dan peratusan kaedah penyampaian dalam pengajian hadis. Domain kaedah penyampaian dalam pengajian hadis di masjid ini mempunyai 15 item. Hasil kajian mendapati seramai 15 orang (15.3%) tidak bersetuju “*Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara syaranan tidak praktikal untuk pengajian hadis*”. Namun begitu, kebanyakan responden bersetuju “*Guru takmir memaklumkan kategori hadis yang dirujuk semasa pengajian.*” ketika proses pengajian hadis dijalankan.

Jadual 1.11 Kekerapan dan Peratusan kaedah penyampaian dalam pengajian hadis


No	Item	STS	TS	TP	S	SS
1	Kaedah membaca matan hadis oleh guru takmir akan lebih diminati dan difahami oleh pendengar	1 (1.0 %)	1 (1.0 %)	12 (12.2%)	54 (55.1%)	30 (30.6%)
2	Soal jawab dn perbincangan dua hala antara guru takmir dan pendengar akan menjadikan pembelajaran lebih seronok dan menarik.	-	-	5 (5.1%)	41 (41.8%)	52 (53.1%)


3	Pengajian hadis lebih efektif sekiranya guru takmir membentuk kumpulan kumpulan kecil atau halaqah semasa sesi pengajian	-	12 (12.2%)	20 (20.4%)	42 (42.9%)	24 (24.5%)
4	Keberkesan pengajian hadis akan lebih berkesan dengan komunikasi sehalia.	3 (3.1%)	19 (19.4 %)	26 (26.5 %)	28 (28.6%)	22 (22.4%)
5	Cara guru takmir mengajar berbentuk kuliah semata-mata mampu memberi kefahaman kepada audien.	2 (2.0%)	12 (12.2 %)	20 (20.4 %)	43 (43.9%)	21 (21.4%)
6	Pengajian hadis mudah diterima dan diakui oleh pendengar dengan penggunaan kitab hadis muktabar sahaja.	2 (2.0%)	5 (5.1%)	35 (35.7%)	31 (31.6%)	25 (25.5%)
7	Guru takmir memaklumkan kategori hadis yang dirujuk semasa pengajian.	1 (1.0 %)	3 (3.1%)	12 (12.2 %)	54 (55.1%)	28 (28.6%)
8	Guru takmir hanya menumpukan kitab rujukan hadis yang lazim diguna pakai di Malaysia sahaja.	3 (3.1%)	13 (13.3 %)	34 (34.7 %)	29 (29.6%)	19 (19.4%)
9	Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara syarahan tidak praktikal untuk pengajian hadis.	1 (1.0 %)	15 (15.3%)	31 (31.6%)	39 (39.8%)	12 (12.2%)
10	Guru takmir suka bercerita dan humor akan menjadikan pengajian hadis lebih ceria dan menyeronokkan serta memikat hati pendengar.	2 (2.0%)	6 (6.1 %)	11 (11.3%)	51 (52.0%)	28 (28.6%)
11	Penggunaan alat membantu mengajar (ABM) dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar serta bersistematis.	3 (3.1%)	3 (3.1%)	12 (12.2 %)	45 (45.9%)	35 (35.7%)

*Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadis
Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan
Azmi Budin*

12	Penggunaan teknologi maklumat seperti IT dan ICT membantu pengajian hadis dengan lebih berkesan dan menarik.	1 (1.0 %)	7 (7.1 %)	12 (12.2 %)	41 (41.8%)	37 (37.8%)
13	Pembacaan hadis secara bersanad akan menjadi tarikan baru kepada audien untuk mempelajari hadis dan menghafal dengan penuh minat.	-	1 (1.0 %)	14 (14.3%)	44 (44.9%)	39 (39.8%)
14	Mengaplikasi cara Rasulullah s.a.w menyampaikan hadis seperti gementar, menunjukkan isyarat tangan, tegas, sedih dan sebagainya.	-	-	12 (12.2 %)	39 (39.8%)	47 (48.0%)
15	Guru takmir sendiri mengamalkan sunnah menjadi pemangkin masyarakat mengikuti pengajian hadis dengan mudah.	-	2 (2.0%)	3 (3.1 %)	44 (44.9%)	49 (50.0%)

Peratusan Kaedah Penyampaian Dalam Pengajian Hadis





KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan untuk membantu Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam menilai keberkesanan program Takmir yang dijalankan dalam usaha menyebarluaskan ilmu Islam kepada masyarakat khususnya dalam konteks pengajian hadis. Disamping itu, dapat mengenal pasti permasalahan bagi memudahkan lagi pemantuan, tindakan susulan serta penambahbaikan dalam usaha melahirkan tenaga pengajar yang mampu melahirkan masyarakat Islam yang berpegang kepada didikan al-Quran dan al- Sunnah. Hasil dapatan kajian ini juga mampu memberi akses maklumat yang berguna kepada Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan jabatan-jabatan agama di Malaysia dalam usaha mermartabatkan lagi syiar Islam serta melahirkan modal insan yang berkualiti. Hasil dapatan ini juga berupaya memberi kesedaran kepada masyarakat Islam bahawa pentingnya ilmu pengetahuan serta mengamalkan sunah dalam kehidupan mereka. Impak paling berguna bagi umat Islam dapat memainkan peranan sebagai penggerak amal makruf dan nahi mungkar di kalangan masyarakat setempat.

CADANGAN

Dalam bab ini merupakan kajian terakhir pengkaji akan menghuraikan dan menjelaskan tentang pengajian hadis yang dibuat secara ringkas seterusnya diakhiri dengan pendekatan dan cadangan-cadangan serta penyelesaian berdasarkan dapatan yang diperolehi dan seterusnya merumuskan dalam kesimpulan. Matlamat utama kajian ini ialah untuk mengkaji dan menilai peranan kelas takmir dalam pengajian hadis kajian keberkesanan di masjid daerah melaka

*Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadis
Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan
Azmi Budin*

tengah samada ianya mampu menarik semua golongan masyarakat Islam untuk menghadiri pengajian tersebut. Keberkesanan tersebut dinilai dengan beberapa faktor di antaranya metodologi yang digunakan oleh guru takmir semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Manakala peranan kelas takmir yang diwujudkan oleh pihak Jakim dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Melaka juga dinilai dari sudut pemerkasaan terhadap guru takmir dengan aktiviti-aktiviti, wacana ilmu, seminar dan sebagainya dilihat sebagai pemangkin kelangsungan pengajian hadis dapat diterima oleh masyarakat kerana guru takmir telah didedahkan dengan maklumat terkini hasil dari program yang dijalankan sebagai nilai tambah untuk menyampaikan ilmu kepada masyarakat.

Justeru itu, pengkaji juga memfokuskan keberkesanaan pengajian hadis dalam pelbagai kriteria bagi menjadikan pengajian hadis tersebut diterima sebagai ilmu yang diminati ramai memandangkan ianya merupakan sumber kedua syariat Islam selepas al-Quran. Kriteria yang dinilai oleh pengkaji untuk melihat keberkesanannya antara lain ialah penggunaan kitab yang digunakan oleh guru takmir, waktu yang sesuai dipelajari dan sahsiah guru takmir yang mengamalkan sunah Rasulullah dalam kehidupan mereka menjadi pemangkin ianya diikuti dan dihayati dalam kehidupan mereka.

Secara keseluruhan dalam proses untuk melahirkan guru takmir yang berkualiti dalam usaha menyampaikan pengajian hadis di masjid adalah tujuan kajian ini yang merangkumi tiga objektif kajian pengkaji. Dalam bahagian ini, pengkaji ingin mengemukakan beberapa idea dan pendekatan, cadangan atau saranan penambahbaikan insitusi takmir bagi memantapkan peranan kelas takmir dalam pengajian hadis dari sudut keberkesanannya di masjid daerah Melaka Tengah. Jika dilihat hasil soal selidik yang dijalankan secara keseluruhan pencapaian atau indek keberkesanan adalah tercapai namun di sana perlunya ada mekanisma, pendekatan yang lebih efisen agar dipertingkatkan dari masa ke semasa selaras dengan perkembangan dakwah masakini yang kian mencabar.

Pendekatan-pendekatan yang dikemukakan nanti dapat memberi kebaikan kepada semua golongan sasaran agar keberkesanan pengajian hadis dapat diterjemahkan malah dapat memperkasakan insitusi yang mentadbir urus takmir serta organisasi yang terlibat seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dengan lebih berkesan. Hasil dari itu, pengurusan masjid, guru takmir, masyarakat setempat dan golongan pengkaji akademik akan menikmati kepuasan di dalam pengajian hadis di Masjid Daerah Melaka Tengah. Di antara pendekatan yang perlu dilaksanakan oleh guru takmir antara lain;

Menyedari peri pentingnya ilmu pengajian hadis dapat disampaikan secara efektif maka guru takmir wajar didedahkan dengan cara pengajaran dan pengajaran yang berkesan sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W untuk menarik madhu dari masa ke semasa supaya sahsiah *Ummah* dapat dibangunkan berdasarkan kemurniaan akidah, keadilan syariah dan ketinggian

akhlak. Di antara kemahiran dan kaedah yang perlu dicontohi dan diikuti oleh guru takmir di antaranya ialah; menyampaikan ceramah dan kuliah, menggunakan kaedah sesi soal jawab, menjalankan aktiviti dalaman dan luaran, aplikasi kaedah dalam bercerita dan humor dan seumpamanya.

KESIMPULAN

Pengajian kelas takmir dalam pengajian hadis di masjid negeri Melaka perlu kepada penambahbaikan dalam semua aspek pengurusan dan pentadbiran, guru takmir, masyarakat serta *ummah* bagi mertabatkan syiar Islam dalam membudayakan menuntut ilmu sepanjang hayat (*learning longlife*) terhadap semua lapisan masyarakat.

Terdapat banyak masjid masjid di seluruh Melaka yang tidak di adakan program takmir sedangkan kelas pengajian tersebut amat penting untuk masyarakat sebagai benteng yang kukuh untuk mempertahankan akidah, ancaman syiah, fahaman wahabi, ajaran sesat, bidaah yang menyeleweng daripada ajaran yang sebenar di samping penularan pemahaman golongan anti Hadis, Sister in Islam, IFC, fahaman sekularisme dan seumpamanya.

Pendekatan para guru takmir untuk menarik golongan remaja, belia dan muda perlu diberi perhatian serius agar golongan pelapis ini tidak hanyut dengan gejala negatif seterusnya mengasingkan diri daripada insitusi ilmu serta memandang sepi disebabkan pendekatan yang digunakan tidak mengikut peredaran zaman serta tuntutan semasa.

Di samping itu, media massa letronik dan cetak, sosial serta era teknologi maklumat IT dan ICT turut menjadi cabaran getir golongan guru takmir untuk menyampaikan maklumat tambahan pula, kecanggihan teknologi maklumat banyak memberi ruang agama untuk masyarakat melalui *Youtube*, *Facebook*, Laman Web, blogs serta ikon atau penampilan seleberiti pendakwah atau ustaz lebih diminati untuk mengakses maklumat atau berkomunikasi berbanding menghadirkan diri di majlis pengajian ilmu khususnya di Masjid.

Justeru itu, pemerkasaan kelas pengajian takmir dalam pengajian hadis di Masjid bukan terletak semata-mata kepada Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam memainkan peranan malah ia melibatkan semua pihak umat Islam bagi mertabatkan insitusi masjid dengan pengajian takmir sebagaimana yang pernah dilalui di zaman kecemerlangan Islam agar pengajian hadis mendapat tempat dihati setiap orang muslim selepas al- Quran.

*Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadis
Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan
Azmi Budin*

BIOATA PENULIS

Azmi bin Budin lulusan Ijazah Sarjana Muda Universiti Al-Azhar Mesir dalam bidang Usuluddin (Dakwah Dan Tamadun) dan memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan Dakwah KUIM. Beliau turut mempunyai Diploma Pendidikan UIAM dan sekarang sedang melanjutkan pengajian di peringkat PhD dalam bidang Dakwah di KUIM.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran Al-Karim* serta terjemahan maknanya (Perisian Microsoft Word)
- Ab.Halim Tamuri. (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab.Aziz Mohd Zin. (1999). *Pengantar Dakwah Islamiah*: Universiti Malaya.
- Abdulfatah Haron Ibrahim. (2002). *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Kebatinan*: Jakim.
- Abdul Rahman bin Abdilah Balfaqih al-Husaini.(2005). *Arba'un Hadithan fi Fadhl Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Basyar al-Islamiyah.
- Ahmad Sunawari Long. 2007. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, FPI, UKM. Bandar Baru Bangi: Syarikat Percetakan Putrajaya.
- Ahmad Mohd. Salleh 2004.*Pendidikan Islam falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*.Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti sdn Bhd.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2001). *Sejarah Dakwah*. KL: Utusan Publications Sdn Bhd.
- Al-Banna, Hassan al-Banna. 1990. *Hala Tuju Dakwah Kita*. Terj Solehan Ayub. Batu Caves, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al Ahwany,Ahmad Fuad(1993),”al-Tarbiyah Fi-al-Islam”, Qaherah:Dar al-Ma’arif al-Halaby.
- Al-Hafiz Muhammad ibn Isa ibn Saurah al- Tarmizi.(2010).*Kesempurnaan Rasulullah* S.A.W.: Abnak Printing
- Ali Abd al-Halim Mahmud.(1989). *Wasail al-Tarbiyyah ‘Inda al-Ikhwan al-Muslimin Dirasah Tahliliyyah Tarikhiiyyah*. Mansorah, Mesir: Dar al-Wafa' Li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya Ibn Syaraf bin Marri. (1987). *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi (Bab al-Iman)*. Kaherah, Mesir: Dar al-Rayyan Li al-Turath.
- Anuar Puteh. (2001). *Tasawwur Islam*. Jurnal Perspektif Islam: Jabatan Agama Islam Melaka.
- Mustafa al-Bugha. (2010).*Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*: Pustaka Salam
- Wahbah Zuhaili. (1999).*Riyadul Salihin Imam Nawawi*.Damsyik: Dar Kair
- Faisal Ahmad Shah. (2013). *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris Al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr-Al-Madhi*.Kuala Lumpur: DBP
- Faisal Ahmad Shah. (2010). *Manahij Al- Muhaddithin Metode Dan Pendekatan Sarjana Hadith*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hadith Qadsiah*. (tt).Kaherah: Maktabah Dar Turas
- Hasnah Hussin (2007). *Pengajian Malaysia*: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Ahmad Fauzi Hj Morad. (1997).*Tamadun Islam*: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Jamil Jamil. (2012).*Sejarah Kerajaan- kerajaan Islam Secara Ringkas*: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.

- Ibn Hajar al- Asqalani. (2000).*Fath al- al- Bari bi Sharh al- Bukhari*, Al-Qahirah: Maktabah al-Ilmi
- Ibn Khaldun dan Al-Qabisi.(1994).*Kaedah dan Teknik Pengajaran*: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Imam Muslim, Abi al-Hussain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburiy. 1997. *Sahih Muslim*. Kaherah, Mesir : Dar al-Hadis.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali bin Hajar al-Asqalani. 1400H. *Fath al-Bari*. Kaherah, Misr: Al-Matba'ah al-Salafiah-Wa Maktabuha, al-Raudhah.
- Lokman Ab Rahman. (1996).*Pengantar Sains Pengurusan Masjid: Majlis Agama Islam Melaka*.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Ramzi Omar. (1994).*Kaedah Dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun Dan al-Qabisi*: Dewan Bahasa Minda (INMIND)
- Mustafa Masyhur. 1988. *al-Qudwah ala al-Tariq al-Dakwah*. Kaherah, Mesir : Dar al-Tauzi Wa al-Nasyr al-Islamiyyah. Sayyidah al-Zainab.
- Muhammad Qutb. 1987. *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyyah (al-Juz al-Thani)*. Kaherah, Mesir : Dar al-Syuruq.
- Mustafa Abdul Rahman. (2008). *Hadith 40 Terjemahan dan Syarahanya*: Pustaka Salam
- Nik Safiah Karim. (2010).*Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayed Sabiq. (1983).*Fiqh al- Sunnah*. Beirut : Dar al- Fikr
- Shahrir Akram Hassan. (2013). *Penerapan Kaedah Pengumpulan Hadith Dalam Penyelidikan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Taha Abdullah Afifi. (1983).*Wasoya Rasul*.Kaherah: Dar al-Itissom
- Yusuf Al-Qaradhawi. (2000).*Sunnah Sumber Ilmu Dan Peradaban*. Thinker Library
- Zaidan, Abdul Karim. (1986). *al-Majmu al-Buhuth al-Fiqhiyah*. Beirut: Muassassah al-Risalah.